

SOALAN NO. :39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. JOHARI BIN MAT

TARIKH : SELASA, 28 APRIL 2015

SOALAN :

Dato' Dr. Johari bin Mat minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah segera yang telah diambil oleh pihak Kementerian dalam menangani isu pencemaran alam sekitar, khususnya penipisan lapisan ozon dan juga “global warming”.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penipisan lapisan ozon adalah berpunca daripada penggunaan bahan kimia pemusnah ozon (ozone depleting substances - ODS) iaitu Chlorofluorocarbon (CFC), Hydrochlorofluorocarbon (HCFC), Halon dan Carbon Tetrachloride (CTC). Terdapat bahan pemusnah lapisan ozon yang juga merupakan gas rumah hijau dan turut menyumbang kepada pemanasan global seperti CFC dan HCFC.

Dalam mengurangkan kesan penipisan lapisan ozon, Malaysia sebagai sebuah negara Parti kepada Montreal Protokol Mengenai Perlindungan Lapisan Ozon telah menjalankan berbagai program dan aktiviti bagi memastikan pematuhan ke atas obligasi antarabangsa tersebut. Mulai 1 Januari 2010, Malaysia telah berjaya menghentikan sepenuhnya pengimportan bahan kimia pemusnah ozon (ozone depleting substances - ODS) iaitu kloroflorokarbon (CFC), halon dan karbontetraklorida (CTC).

Pada September 2007, Mesyuarat Ke 19 Parti Protokol Montreal mengenai perlindungan lapisan ozon telah memutuskan untuk mempercepatkan penghapusan penggunaan bahan hidroklorofluorokarbon (HCFC) bagi negara sedang membangun dari tahun 2040 kepada 2030. Penghapusan HCFC sedang dibuat secara berperingkat mulai 2013 dengan pembekuan (freeze) pengimportan

bahan HCFC pada tahap garis dasar (baseline) yang dikira daripada purata penggunaan pada tahun 2009 dan 2010. Seterusnya, pengurangan 10% bahan HCFC daripada jumlah garis dasar pada 2015; 35% pada 2020, 67.5% pada 2025 dan 97.5% pada 2030. Manakala pengimportan HCFC hanya dibenarkan sebanyak 2.5% sahaja bagi sektor servis sehingga tahun 2040.

Sekian, terima kasih.